

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING



DR. MAHATHIR MOHAMAD

## Mahathir penaung Terbuka Malaysia

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai penaung kepada kejohanan tenis wanita Terbuka Malaysia BMW 2012.

Pihak penganjur kejohanan membuat pengumuman itu semalam.

Dalam satu kenyataan, Pengarah Urusan BMW Malaysia, Geoffrey Briscoe berkata, Dr. Mahathir merupakan penyokong kuat dalam membawa acara kejohanan sukan antarabangsa ke Malaysia.

Edisi ketiga kejohanan yang merupakan kejohanan Persatuan Tenis Wanita (WTA) akan berlangsung dari 27 Februari hingga 4 Mac di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort di sini.

Juara tujuh kejohanan Grand Slam, Venus Williams dari Amerika Syarikat merupakan antara bintang tenis handalan dunia yang akan mengambil bahagian dalam kejohanan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan sebanyak AS\$220,000 (RM690,172). - BERNAMA